

muhasabah Muslim haram sambut Hari Valentine

oleh
USTAZ ZAINUDIN HASHIM
ustazzain@harakah.net.my

ISLAM merupakan satu-satunya agama yang diperakui oleh Maha Pencipta iaitu Allah SWT. Kebijaksanaan Allah dengan melantik Nabi terakhir iaitu Muhammad bin Abdullah dengan segala pengajaran dan pendekatan untuk menjadi manusia yang disanjung Allah termaktub dalam al-Quran.

Bahkan baginda juga diberi keizinan untuk menjelaskan apa-apa yang masih kabur melalui hadisnya, justeru kewafatan baginda adalah dirancang oleh Allah yang menandakan bahawa segala tunjuk ajarnya sudah berakhir, lengkap dan sempurna, tidak ada yang perlu untuk ditambah atau dikurangkan.

Begitulah dengan segala hukum hakam yang berkaitan dengan rasa kasih seseorang terhadap orang lain, di mana al-Quran telah menggariskan kasih sayang, rasa cinta berasaskan firman Allah menerusi ayat 103 surah Ali-Imran yang bermaksud: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara."

Begitu juga apa yang ditegaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Tidak beriman seseorang kamu hingga dia mengasihi saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri." (Riwayat Bukhari & Muslim)

Konsep cinta dalam Islam

Cinta di dalam Islam sebenarnya tiada hubungan romantik atas alasan jika benar pencinta yang memahami corak Islam lebih ke arah menulis peringatan-peringatan Allah di dalam konteks cara perhubungan walaupun mungkin tidak pernah 'berdating' malah orang yang bercinta dalam bentuk syariat Islam takut untuk berhubung secara menulis kerana was-was dengan keupayaan menahan bentuk luahan hati yang akan menimbulkan 'zina hati'.

Malah orang yang benar-benar beriman takut untuk berhubung melalui telefon atau kaedah bercakap yang penuh lemah-lembut dalam bentuk hubungan lain seperti 'chatting' kerana biasanya kekerapan hubungan percakapan lebih ke arah tidak tertapis dan boleh mengundang kepada godaan keimanan dengan rasa rindu dengan suara dan gurauan sehingga akhirnya membuat tautan rasa cinta asmaradana bermula kecuali bagi mereka yang benar-benar tiada masalah hati.

Itu pun boleh menjadi satu bentuk perhubungan awalan jika tidak disekat. Semakin kerap berhubung akan menjadikan semakin rapat perhubungan dan akhirnya tanpa mengimbangkan kewarasan akal dan lebih mementingkan perasaan dan nafsu akhirnya menjerumus kepada fahaman 'itulah cinta yang sebenarnya'.

Kerana atas dasar apa? Rasa rindu yang amat sangat. Sedangkan hakikat rindu yang sebenar hanyalah satu; rindukan Allah. Orang yang beriman dapat menangkis ketahanan rindu apabila asas cinta benar-benar berlandaskan iman.

Cinta berasaskan Islam ialah cintakan kebaikan (keimanan) dan keutuhan pendirian kerana ia adalah asas kepada tiang pengukuhan iman pada hari depan. Malah cinta di dalam Islam lebih ke arah rasa hormat, malu dengan kewarakan responden kerana itulah cinta hakiki yang tidak boleh dijual beli. Malah malu untuk berkata-kata di sebalik kata-kata yang tidak sepatutnya.

Malah, masalah sama ada sayangkan, sama ada tak sayangkan tidak timbul, kerana asas cinta sebenar ialah keupayaan untuk sama-sama menggembleng, meningkatkan iman andai kata terbina ikatan yang di akhiri ukhuwwah Islamiyah di dalam pemantapan jasmani dan rohani.

Itulah cinta yang sebenar di dalam Islam bukan seperti sebahagian anak muda yang tidak memahami konteks percintaan hakiki yang mana terlalu mudah jatuh cinta dengan hanya sekali pandang, dan juga dengan hanya tautan kata-kata.

Sememangnya tidak dinafikan kuasa cinta benar-benar dapat menguasai respondennya. Ada yang berubah sikap dengan rangsangan cinta contoh ada yang semakin beriman, semakin baik dan semakin terdidik kerana nasihat dan peringatan oleh orang yang dicintainya.

Tetapi adakah rangsangan itu akan terus berkekalan andai kata cinta berpaling arah atau tidak menjadi. Inilah yang dibimbangi kerana rangsangan cinta murahan hanya satu kepura-puraan yang tidak berkekalan atas asas tujuan untuk memikat hati.

Hari Valentine menjerumuskan akidah

Hari 'kasih sayang' yang dirayakan oleh orang-orang Barat atau lebih tepat lagi orang-orang beragama Kristian pada tahun-tahun terakhir disebut 'Valentine Day'. Ia amat popular dan merebak di seluruh pelosok dunia termasuk di Malaysia.

Lebih-lebih lagi apabila menjelangnya 14 Februari setiap tahun di mana kebanyakan daripada penganut Kristian akan mengambil peluang apatah lagi tarikh itu pada 2009 jatuh pada hari Sabtu, iaitu hari tidak bekerja. Mereka akan memenuhi

permintaan kekasih masing-masing dengan menempah hotel, tempat penginapan dan di mana sahaja asalkan mereka boleh buktikan sebagai pasangan kekasih yang ideal dan intim.

Itu bagi mereka yang tidak Islam, orang Islam adalah dilarang untuk menyambut Hari Kekasih sama seperti mereka di kalangan penganut Kristian. Larangan itu berdasarkan ia ada unsur-unsur tradisi agama Kristian, pasangan Islam dilarang berbuat demikian kerana mereka tidak boleh berdua-duaan dalam keadaan untuk menyatakan cinta antara satu sama lain, kerana yang patut dicintai ialah Allah dan Rasul-Nya, inilah yang tidak diajarkan oleh agama lain selain Islam.

Hari Valentine menjanjikan berbagai-bagai hiburan bermula dari disko/klub malam, hotel-hotel, organisasi-organisasi mahupun kelompok-kelompok kecil; ramai yang berlumba-lumba menawarkan acara untuk merayakan Valentine. Dengan dukungan (pengaruh) media massa seperti surat khabar, radio mahupun televisyen; sebahagian besar orang Islam juga turut dihidangkan dengan iklan-iklan Valentine Day, yang lebih parah lagi apabila ada pasangan Islam yang turut terlibat dalam meminum arak.

Kepada mereka diingatkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang-orang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu daripada jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti prasangka belaka, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah)." (Surah Al-An'am: 116)

Sejarah Hari Valentine

Hari Santo Valentine, Hari Valentine atau Hari Memperingati Kekasih ialah satu hari yang memperingati Santo Valentine pada 14 Februari sebagai hari tradisi yang mana para kekasih meluahkan rasa cinta sesama sendiri; menghantar kad Valentine, menderma atau menghadihkan gula-gula.

Adalah satu kebiasaan juga untuk menghadihkan bunga pada Hari Valentine. Perayaan ini dinamakan sempena dua orang lelaki, kedua-duanya syahid Kristian Awal yang berkongsi nama Valentine. Perayaan ini kini dikaitkan dengan asmara dalam lingkungan pengaruh Geoffrey Chaucer pada Zaman Pertengahan Tinggi, apabila mekarnya tradisi cinta asmara.

Hari istimewa ini paling rapat dikaitkan dengan pertukaran surat cinta dalam bentuk 'valentine'. Lambang-lambang Valentine moden termasuk garis berbentuk hati dan potret Cupid bersayap. Sejak abad ke-19, surat-surat bertulis telah banyak memberi laluan kepada kad ucapan keluaran besar-besaran.